
UniMAP
PELAN STRATEGIK
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
2016-2020
SOARING UPWARDS
MALAYSIAN HIGHER EDUCATION
QS STARS
RATED FOR EXCELLENCE
2014
WORLDCOB
CSR:2011.2
SIRIM
Quality
Award


UniMAP

Pelan Strategik
UniMAP
2016 - 2020

Kandungan

Tinta Minda

Ucapan Aluan Pengerusi LPU 2
Ucapan Mantan Naib Canselor 4
Ucapan Aluan Naib Canselor 6
Misi & Visi 8
Key Characteristics of World Class 10
Pencapaian 2011–2015 12
ERRC 14
Teras/Tema Strategik 16
PemetaanTeras & 10 Lonjakan PPPM(PT) 22
Peta Strategi 24
Mencemerlangkan Bakat 26
Mengkondusifkan Infrastruktur & Komunikasi 28
Membudayakan Profesionalisme & Keusahawanan 32
Memantapkan Tadbir Urus 34
Mengefisienkan Sistem Penyampaian 38
Memperkasakan Ekosistem Inovasi 42
Melesterikan Pembelajaran Sepanjang Hayat 44
Mengukuhkan GOL 46
Mengarusperdanakan TVET 50
Memampankan Kewangan 52
Melonjakkan Keunggulan Global 56
Melahirkan Mahasiswa Holistik 60
Senarai Pengukur Prestasi Utama 62
Definisi Operasional (OD) & Pengiraan Pengukur KPI 64
Senarai AJK Objektif Strategik/Lonjakan 74
AJK Penerbitan 76

Pelan Strategik
UniMAP
2016 - 2020

Ucapan Aluan
Pengerusi LPU



السلام عليكم ورحمةالله وبركاته

Saya bersyukur kehadrat Allah Azzawajalla kerana dengan limpah kurnia–Nya dokumen Pelan Strategik UniMAP 2016–2020 ini dapat diterbitkan. Saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada semua yang terlibat membangunkan dokumen pelan strategik ini.

Jangkaan keberhasilan (outcomes) pendidikan tinggi hari ini banyak berbeda daripada 20 atau 30 tahun dahulu. Apabila Falsafah Pendidikan Kebangsaan dirumuskan dalam tahun 1988 dan dinyatakan dalam Akta Pendidikan 1996, kita banyak memikirkan dan memerah keringat untuk merealisasikan intipati falsafah itu. Tanggungjawab besar kita dalam era itu ialah berusaha secara berterusan memperkembangkan potensi anak didik sehingga menjadi "...insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan." Selain daripada aspek pembinaan dan penyesuaian kurikulum dan ko–kurikulum, negara turut berusaha meningkatkan potensi para pendidik dan menyediakan prasarana yang mencukupi dan sesuai dengan perkembangan dunia ilmu dan teknologi pendidikan. Dalam era yang semakin menghampiri Wawasan 2020 ini dan setelah terbitnya Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) (PPPM [PT]) 2015–2025, kita dapati bahawa Falsafah Pendidikan Kebangsaan masih menjadi matlamat utama pendidikan tinggi. Namun, jangkaan keberhasilannya sudah bertambah dan semakin mencabar.

Dalam era ini, selain daripada perlu meneruskan usaha melahirkan insan yang seimbang, antara lain, universiti dituntut pula untuk meningkatkan persaingan di arena antarabangsa, menjana pendapatan melalui pelbagai kaedah, meningkatkan perkongsian ilmu dengan masyarakat, dan meneruskan usaha menambahkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian kepada pihak berkepentingan.

Sehubungan dengan perubahan itu saya dapati bahawa dokumen Pelan Strategik UniMAP 2016–2020 telah menilai dan mengambil kira perubahan persekitaran dengan sewajarnya. Namun demikian, kita perlu sedar bahawa kejayaan sesebuah organisasi bukan hanya bergantung pada kekuatan dan kerelevanan strateginya dengan tuntutan persekitaran. Berdasarkan beberapa kajian didapati bahawa 70–80% kejayaan sesebuah organisasi bergantung kuat pada pelaksana dan pelaksanaan strateginya.

Dapatan ini menuntut agar warga universiti daripada setiap segmen perlu meneruskan perkhidmatan cemerlang tanpa noktah. Hal ini memberikan isyarat bahawa pengurusan universiti perlu mendapatkan komitmen padu daripada semua warga universiti secara inklusif dan kolektif. Dan yang sama pentingnya ialah warga universiti tidak boleh berhenti daripada terus berubah selari dengan perubahan persekitaran dan tuntutan semasa. Perenggu minda *(mind set)*, tindakan, cara dan semangat bekerja perlu berubah ke arah yang lebih positif supaya matlamat dan apa jua yang disasarkan pada masa hadapan dapat dicapai dengan cemerlangnya.

Jika universiti mahu bertaraf dunia, warganya perlu terlebih dahulu berfikir, bertindak dan bekerja seperti warga universiti bertaraf dunia. Dalam konteks ini pandangan Jamil Salmi dalam *The Challenge of Establishing World–Class Universities* yang diterbitkan dalam tahun 2009 sewajarnya dijadikan panduan oleh semua warga universiti.

Harapan akhir saya ialah UniMAP tersenarai antara universiti terbaik di dunia dan dalam masa yang sama dapat merealisasikan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Selamat meneruskan perjuangan.

والسلام عليكم ورحمةاللهوبركاته

YBHG. DATO' PROFESOR EMERITUS IR. DR. ZAINAI MOHAMED
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti

Ucapan Aluan
Mantan Naib Canselor



السلام عليكم ورحمةالله وبركاته

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang dan dengan hati yang penuh tawaduk saya memanjatkan kesyukuran kehadrat–Nya kerana kita masih dapat bersama–sama merangkakan Pelan Strategik UniMAP ini. Kita pernah bersama–sama merumuskan pelan strategik era 'Peletakan Asas' (2003–2007), pelan strategik era 'Mempermantap Kedayasaingan' (2008–2010); dan pelan strategik era 'Keterlihatan Antarabangsa yang Menyerlah' (2011–2015) dengan slogan "Saya Berubah." Dan kini, kita memasuki era terbaru, secara bersama juga, iaitu era 'Kecemerlangan Bertaraf Dunia' dengan slogan "Kita Mengubah" (2016–2020).

Sepanjang 14 tahun kewujudan UniMAP, prestasi kita semakin menyerlah. Enrolmen pelajar telah meningkat dari 117 orang menjadi sekitar 13,000 orang. Dari dua program pengajian ijazah sarjana muda kejuruteraan, kini kita menawarkan 43 program prasiswazah (enam program diploma kejuruteraan, 22 program ijazah sarjana muda kejuruteraan, 13 program ijazah sarjana muda teknologi kejuruteraan, dua program perniagaan dan satu program komunikasi media baharu) dan puluhan program ijazah sarjana dan doktor falsafah dalam pelbagai bidang. Meskipun kita diminta menjadi 'universiti pengajaran,' namun hari ini kita turut membina kekuatan dalam bidang penyelidikan.Berbekalkan beberapa kertas penyelidikan bertaraf Scopus yang dibawa bersama oleh para pensyarah dari universiti asal masing–masing, kini Scopus mencatat sebanyak 4,799 dokumen penyelidikan daripada para penyelidik UniMAP. H–indeks telah bertambah menjadi 31, faktor impak sudah mencecah 69, dan pelbagai pengiktirafan penyelidikan daripada pelbagai konvensyen dan pameran penyelidikan yang diperoleh di dalam dan di luar negara. Dokumen penyelidikan dalam *Web of Science* (WoS) pula telah meningkat ke angka 2,571. Semua pencapaian ini terealisasi kerana pertambahan nilai geran penyelidikan dari RM25,636,930.00 dalam tahun 2009 ke nilai akumulatif RM95,182,510.00 juta, selain daripada kualiti para penyelidik yang disegani rakan–rakan di universiti awam, universiti swasta atau pun institut penyelidikan.

Pada awal penubuhan UniMAP saya menyimpan cita–cita untuk menjadikan universiti ini menyerlah di persada antarabangsa. Di pertengahan umur UniMAP kita tidak tahu di mana taraf dan kedudukan kita berbanding

dengan universiti terbaik di dunia. Hari ini UniMAP telah diiktiraf sebagai universiti bertaraf 3–Bintang oleh QS *Stars University Ratings*; ke–226 terbaik di Asia mengikut QS Asia University Rankings dan berada dalam kelompok 700–750 universiti terbaik dunia mengikut QS World University Rankings. Sekarang kita telah mempunyai dua disiplin pengajian yang menduduki tangga ke–200–300 mengikut QS Subject Rankings iaitu Sains Bahan dan Kejuruteraan Kimia, sementara lapan disiplin lain menduduki tangga ke–400 hingga ke–700. Universiti kita telah dianugerahi puluhan anugerah kecemerlangan oleh pelbagai badan antarabangsa. Apakah kesimpulan yang wajar dicatat bagi universiti yang baru berumur 14 tahun ini? Amat baik, terbaik atau cemerlang? Biarlah data yang berbicara.

Apakah trajektori kita selepas ini? 'Kecemerlangan Bertaraf Dunia' dengan slogan "Kita Mengubah." Seperti yang saya sebut dalam Amanat Tahun Baru Naib Canselor 2016, jika sebelum ini kita 'berubah,' kini sudah sampai masanya kita 'mengubah' pula. Kita mahu mengubahkan universiti ini menjadi universiti bertaraf antarabangsa. Sasaran strategik kita masih kekal iaitu mahu menjadi antara 500 universiti terbaik di dunia dalam carta QS *World University Rankings*.

Kita telah bersetuju dan saya yakin bahawa warga UniMAP tidak mahu berkompromi dengan sasaran ini. Untuk mencapai sasaran 'Kecemerlangan Bertaraf Dunia,' kita perlu mensejajarkan strategi UniMAP dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) (PPPM [PT]) dalam usaha melahirkan Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang yang selari dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Sebagai universiti awam kita perlu menyangga agenda pendidikan tinggi negara.

Untuk memastikan strategi UniMAP selari dengan PPPM (PT) kita telah memetakan agenda 10 Lonjakan PPPM (PT) dengan enam teras strategik UniMAP; ia kelihatan selari. Untuk memastikan strategi UniMAP serasi dengan PPPM (PT) kita menjadikan 10 Lonjakan PPPM (PT) sebagai sebahagian daripada objektif strategik UniMAP 2016–2020; ia kelihatan serasi. Untuk memastikan kedua–dua strategi sebati kita menjadikan Headlines KPI yang dilatakan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) kepada universiti awam sebagai sebahagian daripada KPI universiti kita; pasti perlu sebati.

Objektif strategik ialah aspek–aspek dalam universiti yang mesti ditambah baik jika terdapat kelemahan di mana–mana, dan bagi aspek–aspek yang mempunyai kekuatannya yang tersendiri maka kita perlu pertingkatkan kekuatan itu untuk melonjakkan daya saing institusi. Untuk mencapai objektif strategik inilah yang menuntut kita 'berubah' dan 'mengubahkan' paradigma, semangat dan cara bekerja, cara menyantuni keberadaan masing–masing sebagai warga universiti, dan cara memanfaatkan rakan–rakan industri. Kesemua aspek ini memerlukan penelitian dan perubahan yang terperinci jika kita serius dengan kerja dan sayang akan universiti ini. Keperluan kepada perubahan dalam aspek–aspek ini menjadi lebih kritikal kerana mulai tahun ini kita perlu akur dengan formula baru pendanaan universiti.

Nah, sekarang sampan sudah di air, pendayung sudah dalam geggaman. Ayuh mari kita bersama–sama melayarkan bahtera yang bernama UniMAP ini untuk mencapai kecemerlangan di persada antarabangsa.

والسلام عليكم ورحمةالله وبركاته

YBHG. BRIG. JEN. DATUK PROFESOR EMERITUS
DR. KAMARUDIN HUSSIN
Naib Canselor
(sehingga Februari 2016)

Ucapan Aluan
Naib Canselor



السلام عليكم ورحمةاللهوبركاته

Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan izin dan limpah rahmatnya, pelan Stategik UniMAP 2016–2020 telah berjaya didokumenkan secara rasminya untuk dijadikan rujukan kepada semua warga UniMAP untuk mencerna minda intelek dalam merealisasikan kecemerlangan universiti. Di kesempatan ini saya merakamkan ucapan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam merencana dan menghasilkan pelan Strategik ini dengan jayanya.

Pendidikan tinggi negara telah mengalami perubahan yang pesat dalam pelbagai aspek sama ada pengurusan dan pentadbiran, kemajuan dan pencapaian serta isu–isu dan cabaran yang dilaluinya dari masa ke masa. Kewujudan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) 2015–2025 merupakan mekanisme dalam mendepani cabaran pendidikan tinggi negara seperti permintaan yang meningkat dalam pendidikan tinggi negara, pengurangan pendanaan dari pihak kerajaan, peningkatan bilangan pelajar serta kewujudan model baru dalam pendidikan tinggi.

Saya yakin bahawa PPPMPT 2015–2025 merupakan tonggak utama kepada UniMAP untuk membangunkan Pelan strategik UniMAP yang lebih dinamik dan berupaya bersaing dengan universiti awam yang lain. Dalam usaha menjadikan UniMAP antara 500 universiti terbaik dunia, sebanyak 49 KPI dan 368 inisiatif strategik telah dirumuskan untuk dilaksanakan oleh semua warga kerja dengan daya usaha yang tinggi. Sebanyak 10 daripada KPI tersebut merupakan KPI KPT yang dipanggil sebagai *Headlines KPI*. Ia merupakan pengukur prestasi bagi KPT dan menjadi tanggungjawab kita untuk memberikan maklum balas dan memastikan sasaran yang ditetapkan oleh KPT dapat dicapai.

Saya percaya bahawa pelan strategik UniMAP 2016–2020 ini bukan sahaja menjadi wadah kepada pencapaian 500 Universiti terbaik dunia, malah ia juga berupaya untuk menjadikan unimap sebagai pusat kecemerlangan dalam melahirkan insan yang seimbang dari segi ilmu, modal insan yang beretika dan integriti. Ia juga berupaya bertindak sebagai enjin ekonomi, pemandu mobiliti sosial, penjana idea dan pemangkin kepada pengukuhan budaya kecemerlangan secara berterusan.

Saya mengharapkan agar semua warga unimap berusaha pada tahap yang tertinggi agar matlamat kita bersama untuk menjadi Universiti yang terbaik dan cemerlang tercapai.

والسلام عليكم ورحمةاللهوبركاته

YBHG Dato' Profesor Dr. Zul Azhar Zahid Jamal
Naib Canselor
(Mei 2016 hingga sekarang)

Visi


UniMAP
Institusi akademik dan penyelidikan yang
berdaya saing di persada antarabangsa

Misi



Melahirkan insan kamil yang menyumbang kepada agenda pembangunan dan daya saing industri Negara

Key Characteristics of World Class

Universities A World Class University



- Has an international reputation for its research
- Has an international reputation for its teaching
- Has a number of research stars and world leaders in their fields
- Is recognised not only by other world class universities, e.g., US ivy league, but also outside the world of higher education
- Has a number of world class departments (i.e., Not necessarily all)
- Identifies and builds on its research strengths and has a distinctive reputation and focus, i.e. Its 'lead' subjects
- Generates innovative ideas and produces basic and applied research in abundance
- Produces path breaking research output recognised by peers and prizes, e.g., Nobel prize winners
- Attracts the most able students and produces the best graduates
- Can attract and retain the best staff
- Can recruit staff and students from an international market
- Attracts a high proportion of postgraduate students, both taught and research
- Attracts a high proportion of students from overseas



- Operates within a global market and is international in many activities, e.g., Research links, student and staff exchanges, throughput of visitors of international standing
- Has a very sound financial base
- Receives large endowment capital and income
- Has diversified sources of income, e.g., Government, private companies sector, research income, overseas student fees
- Provides a high quality and supportive research and educational environment for both its staff and students, e.G., High quality buildings and facilities/high quality campus
- Has a first class management team with strategic vision and implementation plans
- Produces graduates who end up in positions of influence and/or power, i.e., Movers and shakers, e.g., prime ministers and presidents
- Often has a long history of superior achievement, e.g., Oxford and Cambridge in the UK and Harvard in the USA
- Makes a big contribution to society and our times
- Continually benchmarks with top universities and departments worldwide
- Has the confidence to set its own agenda

Source: Salmi, Jamil (2009). The Challenge of Establishing World–Class Universities. Washington D.C. : The World Bank

Pencapaian 2011-2015

Penyelidikan

WEB OF SCIENCE

Sehingga tahun 2015, bilangan penerbitan terindeks melalui *Web of Science* adalah sebanyak 1,749.

Jumlah sitasi daripada penerbitan UniMAP yang terkumpul bermula pada 2013–2015 adalah sebanyak 5,966.

SCOPUS™

Sehingga tahun 2015, bilangan penerbitan terindeks melalui *Web of Science* adalah sebanyak 4,187.

Jumlah sitasi daripada penerbitan UniMAP yang terkumpul bermula pada 2013–2015 adalah sebanyak 10,633.

JUMLAH PENERBITAN (SCOPUS)
STAF AKADEMIK (2011 – 2014)

1:1

Jumlah penerbitan dalam Scopus (2014) 1,109 manakala jumlah staf akademik adalah seramai 911 orang bagi tahun 2014

TAHUN	RATIO
2014	1.1
2013	1.0
2012	0.9
2011	0.6

Enrolmen



Peningkatan yang ketara dapat dilihat pada enrolmen mahasiswa antarabangsa mulai 2013 hingga 2015. Jumlah terkumpul mahasiswa antarabangsa adalah seramai 835 orang

66%
Peningkatan berbanding tahun 2013



39%
Peningkatan berbanding tahun 2011

Pensyarah berkelayakan PhD dan setaraf (warganegara & bukan warganegara) adalah seramai 339 orang berbanding pada tahun 2011 seramai 131 orang sahaja.

Kebolehpasaran Siswazah





Kewangan

15.5% Pendapatan yang dijana bagi tahun 2015 berbanding 9.8% pada tahun 2011

Terimaan bagi program–Program Konsultansi bagi Tahun 2011–2014



Dana Penyelidikan

TAHUN	RM
2015	RM2,954,300.00
2014	RM15,061,867.00
2013	RM19,297,814.00
2012	RM12,156,777.00
2011	RM12,445,222.00
2010	RM7,629,600.00

Melibatkan 1,681 projek

Pengiktirafan





UniMAP kini berada pada kedudukan 226 terbaik di Asia, dengan 17 lonjakan berbanding pada tahun 2014. Laporan QS AUR 2014/2015 juga merekodkan peningkatan kedudukan UniMAP pada tangga 11 terbaik di Malaysia (2015) berbanding pada kedudukan 13 terbaik bagi tempoh dua (2) tahun kebelakangan. UniMAP juga mempamerkan daya saing dalam kriteria pengantarabangsaan pada kedudukan 100 terbaik di Asia bagi indikator staf akademik antarabangsa, pelajar antarabangsa dan program pertukaran pelajar antarabangsa.

ERRC

HAPUSKAN
Eliminate

- PTJ berfungsi secara *silo*
- Sikap berada dalam zon selesa
- Staf yang tidak produktif

TINGKATKAN
Raise

- Penjanaan kewangan
- Automasi pentadbiran
- Keterlihatan antarabanga
- Prestasi pemeringkatan
- Kecekapan sistem penyampaian
- Penjanaan kewangan
- Kualiti dan reputasi akademik
- Infrastruktur ICT
- Pengiktirafan penyelidikan dan pengkomersilan
- Kecekapan urus tadbir
- Kompetensi staf melalui persijilan profesional
- Kolaborasi universiti–industri/agensi kerajaan yang berimpak
- Kejelekitan hubungan dengan alumni
- Kecekapan pelaksanaan pelan penggantian
- Pengiktirafan agensi antarabangsa
- Kawalan kewangan
- Perkongsian maklumat institusi
- Penguatkuasaan peraturan universiti
- Urustadbir terbaik



KURANGKAN
Reduce

- Kursus–kursus di luar kawasan
- Nisbah pensyarah–pelajar dalam kelas
- Perbelanjaan tidak berhemat
- Perkhidmatan yang disewa
- Duplikasi sumber

CIPTA
Create

- Model baru penjanaan dan penjimatan kewangan
- Pengintegrasian sistem kualiti pentadbiran
- Sijil kemahiran sebagai nilai tambah untuk mahasiswa
- Polisi kadar yuran untuk seminar dan kursus
- Garis panduan keusahawanan kepada pelajar
- UniMEL
- Kluster Perniagaan Strategik
- Anugerah pendidik atas talian cemerlang
- Polisi *online learning*
- Kemudahan pembelajaran atas talian



Teras/Tema Strategik

Teras atau tema strategik ialah tonggak kecemerlangan atau pillar of excellence sesebuah organisasi. Tonggak ini ibarat tiang yang membina kekuatan dan ketahanan sesuatu binaan. Untuk mencapai kecemerlangan dan mengekalkan daya saing universiti setiap pusat pengajian, jabatan dan warga universiti secara menyeluruh dan bersepadu perlu menyumbang secara positif untuk memperteguh kekuatan universiti berasaskan tonggak–tonggak kecemerlangan yang ditetapkan.

Bagi tempoh Pelan Strategik 2016–2020 teras/tema strategik UniMAP mengekalkan teras/tema Pelan Strategik 2011–2015 iaitu *Conducive Ecosystem (C), High Impact Research (H), Academically Eminent (A), Notable Wealth Creation (N), Glorious Governance (G) dan Exceptionally Talented Graduates (E)*. Sementara overarching strategic result UniMAP ditukarkan kepada *'World–class Excellence'* dan diringkaskan dengan kata WE.

Dalam tempoh ini UniMAP menggunakan tema *WE positively CHANGE* bagi pelan strategiknya.


500
QS
WORLD-CLASS EXCELLENCE
WE + C·H·A·N·G·E
UniMAP
CONDUCIVE ECOSYSTEM
HIGH IMPACT RESEARCH
ACADEMICALLY EMINENT
NOTABLE WEALTH CREATION
GOVERNANCE EFFICIENCY
EXCEPTIONALLY TALENTED GRADUATES
1 MALAYSIA
RMK-11
MBE
PPPM(PT)
WAWASAN 2020
WORLD RANKING

Kecemerlangan Bertaraf Dunia









Secara kualitatif, UniMAP berhasrat mencapai peringkat 'Kecemerlangan Bertaraf Dunia' atau *World–class Excellence* (WE). *World–class Excellence* (*WE*) merupakan *overarching strategic result* yang diharapkan dapat dicapai dalam tahun 2020.

Secara kuantitatif UniMAP mensasarkan untuk menjadi antara 150 universiti terbaik di Asia mengikut QS Asia University Rankings (AUR).

Di peringkat dunia UniMAP mensasarkan untuk menjadi antara 500 universiti terbaik di dunia mengikut QS *World University Rankings* (WUR).

CONDUCIVE ECOSYSTEM

Universiti yang bertaraf dunia ialah universiti yang mempunyai Ekosistem yang Kondusif. Ekosistem terbina oleh suatu komuniti (pemimpin, staf dan pelajar) yang saling melengkapi dan memberikan manfaat secara menyaling. Kondusif bermaksud sihat, selamat, menyegarkan, menyeronokkan, memudahkan, dan mendamaikan. Pada tahun 2020 UniMAP diharapkan dapat menjadi tempat bekerja dan belajar (yang terdiri daripada ekologi, infrastuktur, kemudahan, kepemimpinan, sistem dan budaya) yang mengamankan dan menyegarkan akal, perasaan dan jiwa supaya komunitinya dapat mengembangkan potensi spiritual, ilmu dan bakat secara optimum.

ACADEMICALLY EMINENT

Selain daripada aspek penyelidikan yang berkualiti, Keunggulan Akademik dibina oleh elemen kualiti para sarjana, kurikulum program pengajian, dan pengiktirafan yang diperoleh daripada badan profesional. Para sarjana berupaya mempamer keupayaan dan daya intelektual yang tinggi di peringkat global dan universiti berjaya menarik minat sarjana tersohor di dunia untuk berkhidmat atau bekerjasama. Universiti berupaya menarik sebanyak mungkin penuntut antarabangsa yang terbaik khususnya penuntut pascasiswazah, selain daripada program pengajian diakreditasi oleh badan antarabangsa, dan institusi diiktiraf bereputasi tinggi oleh pelbagai badan pengiktirafan dalam dan luar negara.

GOVERNANCE EFFICIENCY

Urus Tadbir Yang Efisen bertujuan memastikan pembahagian kuasa yang sistematik antara lembaga pengarah dengan para pengurus dan pentadbir. Sistem pengurusan dan pentadbiran universiti perlu berorientasikan pihak berkepentingan, kejelasan peranan, bersifat inklusif dalam pembuatan keputusan, telus, berintegriti, berakauntabiliti, beretika, responsif, cekap dan berkesan.



HIGH IMPACT RESEARCH

Di bawah tema Penyelidikan Berimpak Tinggi UniMAP diharapkan dapat menghasilkan lebih banyak penyelidikan yang berkualiti. Penyelidikan yang berkualiti terdiri daripada penyelidikan yang sering dirujuk dan diiktiraf di peringkat antarabangsa, memberikan manfaat kepada masyarakat lokal dan global, bernilai tinggi untuk dikomersilkan, dan berupaya menjana pendapatan kepada universiti.

NOTABLE WEALTH CREATION

Penciptaan Kekayaan Yang Ketara merupakan teras/tema strategik yang amat kritikal. Kini universiti perlu menjana pendapatan secara dalaman melalui pelbagai kaedah termasuk pemerolehan geran penyelidikan daripada kerajaan dan swasta sama ada dari dalam atau luar negara, konsultansi, endowmen, pengkomersilan, sumbangan dan dermaan, dan sumber–sumber lain untuk meningkatkan daya saing dan memastikan kelangsungannya

EXCEPTIONALLY TALENTED GRADUATES



Siswazah Berbakat Istimewa menjadi matlamat utama dalam aspek keberhasilan aktiviti universiti. Berbakat istimewa bermaksud, selain daripada berilmu, berakhlak, memiliki kemahiran insaniah yang tinggi, dan beramal dengan amalan–amalan yang baik seperti yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Negara, Universiti perlu memastikan bahawa para siswazahnya menjadi rebutan di pasaran kerja di dalam dan luar negara; atau berpotensi menjadi usahawan sehingga berupaya menciptakan pekerjaan kepada insan–insan lain.

Pemetaan Teras & 10 Lonjakan PPPM (PT)

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) atau PPPM (PT) 2015 – 2025 merupakan dokumen strategik yang sedang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, yang menggariskan hala tuju pendidikan tinggi negara untuk tempoh 11 tahun bermula dari 2015 sehingga 2025. Ia adalah kesinambungan daripada kajian semula Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) 2007 – 2020 serta penyelarasan PPPM (Prasekolah hingga Pendidikan Lepas Menengah) 2013 – 2025, yang bertujuan untuk meningkatkan dan memartabatkan sistem pendidikan tinggi.



Objektif PPPM (PT)

- Menilai prestasi dan cabaran semasa untuk meningkatkan akses kepada pendidikan, meningkatkan standard (kualiti), merapatkan jurang pencapaian *(ekuiti)*, menggalakkan perpaduan antara pelajar, dan memaksimumkan kecekapan pelajar;
- Mewujudkan aspirasi yang jelas bagi sistem dan pelajar, dan menyepadukannya dengan agenda negara, keutamaan Malaysia, dan program utama (contohnya ETP);
- Membina program transformasi yang menyeluruh bagi sistem pendidikan Malaysia yang merangkumi perubahan penting kepada Kementerian, meneruskan kemajuan PSPTN, selaras dengan PPPM, serta mencerminkan trend terkini dan cabaran pendidikan global.

PEMETAAN TERAS & 10 LONJAKAN PPPM (PT)

UniMAP menggunakan WE positively CHANGE sebagai teras strategik. Teras strategik ini setelah petakan dengan agenda 10 Lonjakan PPPM didapati bahawa strategi WE positively CHANGE bertepatan dan menyokong dengan agenda 10 Lonjakan PPPM (PT).


1
Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan & Seimbang
2
Kecemerlangan Bakat
3
Menghayati Pembelajaran Sepanjang Hayat
4
Graduan TVET Berkualiti
5
Kemampanan Kewangan
EXCEPTIONALLY TALENTED GRADUATES
GOVERNANCE EFFECTIVENESS
NOTABLE WEALTH CREATION
ACADEMICALLY EMINENT
HIGH IMPACT RESEARCH
CONDUCIVE ECOSYSTEM
1 – 10
1 2 5 7
1 2 3 4 9
3 5 7 8
6 10
1 3 4 8 9
6
Pemantapan Tadbir Urus
7
Ekosistem Inovasi
8
Keunggulan Global
9
Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global
10
Tranformasi Penyampaian Pendidikan Tinggi

Peta Strategi



Peta Strategi ialah alat komunikasi yang digunakan untuk memberikan gambaran menyeluruh tentang strategi. Di dalamnya terkandung objektif strategik iaitu aspek–aspek yang perlu ditambahbaik (improve) dan/atau ditingkatkan (enhance) oleh semua warga universiti untuk mencapai matlamat (goal) jangka panjang universiti. Peta Strategi UniMAP 2016–2020 mengandung 12 objektif strategik yang mengenengahkan 10 Lonjakan PPPM (PT) dan 2 objektif strategik tambahan. Daripada 12 objektif strategik inilah terkandung 37 Penunjuk Prestasi Utama (KPI) dan 368 inisiatif strategik.


PIHAK BERKEPEN-TINGAN
Melonjakkan Keunggulan Global L8
Melahirkan Mahasiswa Holistik L1
AMALAN BERTINDAK, HASILAN BERIMPAK
KEWANGAN
Memampankan Kewangan L5
BERMINDA USAHAWAN, BERJIWA ILMUAN
PROSES DALAMAN
Memperkasakan Ekosistem Inovasi L7
Melestarikan Pembelajaran Sepanjang Hayat L3
Mengukuhkan GOL L9
Mengarus-perdanakan TVET L4
Mengefisienkan Sistem Penyampaian L10
Memantapkan Tadbir Urus L6
MENCARIK ADAT, MELARIK HASRAT
KAPASITI ORGANISASI
Membudayakan Profesionalisme & Keusahawanan 02
Mengkondusifkan Infrastruktur & Komunikasi 01
Mencemerlangkan Bakat L2
MODAL INSAN TERAS DAYA SAING



MENCEMERLANGKAN BAKAT

"Kecemerlangan bakat merujuk kepada komuniti akademik yang komited, berusaha secara berterusan untuk meningkatkan kualiti, menyokong pembangunan profesional, memberi inspirasi kepada pelajar, berciri keusahawanan, mempelopori pengajaran dan pembelajaran progresif serta cemerlang dalam penyelidikan, inovasi dan pengkomersilan. Mereka disokong oleh pasukan pentadbiran, teknikal dan sokongan yang terlatih, berdedikasi dan berkemahiran tinggi. Komuniti akademik akan memacu instusi mereka supaya menyerlah di persada dunia dan mampu menarik pelajar dan kakitangan akademik antarabangsa yang berkualiti, dan geran penyelidikan secara berterusan" (PPPM [PT]).



Inisiatif Umum:

- Mewujudkan polisi dan menubuhkan *task force* bagi 4 laluan kerjaya iaitu pengajaran & pembelajaran, penyelidikan, pentadbiran & amalan professional.
- Memantapkan pelaksanaan konsep dan program mentor mentee (akademik).
- Mewujudkan pelan pembangunan kepimpinan akademik.
- Mewujudkan pelan pembangunan kerjaya staf bukan akademik.

PELAN TINDAKAN PELAKSANAAN INISIATIF 5 TAHUN

NO.	KPI/KIP	FASA PELAKSANAAN INISIATIF		
		2016	2017 – 2018	2019 – 2020
1	Nisbah penerbitan per staf akademik dalam jurnal prosiding persidangan yang berindeks.	» Mengemaskini profail setiap staf akademik di dalam data sitasi Scopus. » Menganjurkan kursus-kursus penulisan artikel. » Mengadakan siri bengkel penulisan geran. » Menambahbaik skim *Graduate Assistant* / PGScholarhip@UniMAP serta mengadakan KPI penerbitan kepada GA. » Mengikat Sasaran Kerja Tahunan (penerbitan) kepada PTj.	» Memperuntukan geran-geran dalaman kepada staf akademik yang tidak mempunyai sebarang geran. » Mengikat Sasaran Kerja Tahunan Pensyarah kepada penerbitan. » Mengadakan persidangan antarabangsa untuk menerbitkan hasil daripada bengkel penulisan artikel.	» Mewujudkan dana khas untuk pembayaran yuran persidangan bagi pensyarah yang tidak mengetuai geran. » Melaksanakan penambahbaikan skim insentif jurnal bagi mengiktiraf penerbitan berimpak tinggi.
2	Bilangan kumulatif sitasi per staf akademik.	» Mewajibkan setiap staf akademik membuka akaun profail/sitasi seperti Research Gate, Google Scholar, ORCID, Academic.edu, Malaysian Researchers Identitiy (MyRID) » Siri roadshow kepada staf UniMAP untuk memberi kesedaran berkenaan kepentingan penerbitan berimpak	» Mewajibkan semua CoE/Institut/PPK untuk memuatnaik video ke Youtube/ YouKu bagi mempromosikan penyelidikan di CoE/Institut/PPK masing-masing. » Menghantar emel penghargaan *'Acknowledgement'* kepada penulis artikel yang dirujuk. » Meningkatkan kolaborasi dengan universiti/ penyelidik terkemuka dunia dalam bidang masing-masing.	» Meningkatkan penerbitan berimpak bersama dengan universiti/ penyelidik terkemuka dunia dalam bidang masing-masing.
3	Pembinaan laluan kerjaya terbeza / *Create Differentiated Career Pathway* (DCP) untuk staf akademik i. *Teaching & Learning* (T & L) ii. *Research* iii. *Industry/Attachment* iv. *Administration/Leadership*	» Mewujudkan kumpulan kerja (Pendaftar, LEAD, Pengurusan Akademik, TNC (P & I), R & D, AIRU) untuk merangka draf petunjuk prestasi dan kriteria kenaikan pangkat; Bengkel Pertama (10 Mei 2016) - Membangunkan Sistem Pembangunan Sumber Manusia untuk pengurusan laluan kerjaya (DCP) » Menjalankan sesi *Town Hall* untuk mendapatkan maklumbalas staf dan membuat analisa (Julai 2016) – *"Buy-In"* » Mendraf semula kriteria berdasarkan maklum balas pada Bengkel Kedua (Sept. 2016) » Menjalankan simulasi berdasarkan draf awal yang dibangunkan (Dis. 2016) – Untuk laksanakan simulasi, staf perlu membuat pilihan untuk 4-*tracks*.	» Semakan draf berdasarkan simulasi » Lembaga Pengarah Universiti untuk kelulusan » Mengemaskini Sistem Pembangunan Sumber Manusia untuk pengurusan laluan kerjaya (DCP) berdasarkan input dari simulasi » Menentukan pilihan staf berdasarkan keutamaan dan keperluan universiti » Menjalankan Sistem Mentor Mentee » Memantapkan program mobiliti staf » Membuat *Trial Run* pada sistem penilaian baharu pada pertengahan tahun 2018	» Menjalankan *mock appraisal* (penilaian pertengahan 2018) daripada *Trial Run* sistem penilaian baharu (DCP) » Sistem penilaian baharu ini dijalankan sepenuhnya » Sistem penilaian tahunan berdasarkan wajaran DCP dilaksanakan untuk penilaian staf untuk tahun 2019 » Memantapkan program mobiliti staf

MENCEMERLANGKAN BAKAT



PELAN TINDAKAN PELAKSANAAN INISIATIF 5 TAHUN

NO.	KPI/KIP	FASA PELAKSANAAN INISIATIF		
		2016	2017 – 2018	2019 – 2020
4	Pembinaan laluan kerjaya untuk staf bukan akademik I) *Leadership Training Program* (LTP) ii) Staf yang telah tamat Program Pengajian/Latihan Lanjutan (termasuk program pasca siswazah) iii) Program Mobiliti/Sangkutan	» Mewujudkan jawatankuasa Laluan Kerjaya yang melibatkan Sumber Manusia, Unit Latihan, PUSPEK, IKSK, dan Pusat Kaunseling » Mengadakan bengkel '*brainstorming*' yang melibatkan pakar-pakar dari dalam dan luar (Julai 2016) » '*Benchmarking*' dengan UA dan agensi-agensi terpilih (September) » Mengadakan bengkel pemurnian dasar-dasar yang telah disenaraikan (November) » Membangunkan kertas kerja dasar untuk dibentangkan bagi mendapat kelulusan EXCO dan LPU » Mengadakan roadshow/hebahan/taklimat/ceramah kepada kumpulan sasaran yang telah dikenalpasti » Mengadakan perbincangan dan perjanjian persefahaman dengan Kementerian,UA dan pihak industri yang strategik untuk Program Mobiliti/Sangkutan	» Melaksanakan Program Kepimpinan (Karisma) Siri 1 (Mac), Siri 2 (Julai), Siri 3 (Oktober) » Membuat kajian keberkesanan kepada program-program yang telah dilaksanakan » Mengadakan bengkel penambahbaikan hasil daripada kajian yang telah dijalankan » Melantik staf yang telah tamat Program Pengajian untuk : 1. mengetuai program kajian kes 2. mentor 3. trainers/jurulatih bagi siri-siri kursus yang berkaitan » Membuka penawaran, membuat tapisan permohonan/temuduga dan menghantar calon ke program mobiliti/sangkutan » Mendapatkan maklumbalas kepada keberkesanan latihan pada penghujung tahun 2018 » Sistem untuk penilaian keberkesanan dibuka untuk dilengkapkan oleh calon yang mengikuti program » Mengadakan sesi perkongsian ilmu oleh calon yang mengikuti program mobiliti/sangkutan kepada staf-staf lain	» Jawatankuasa kerja membuat Penilaian dan Laporan kepada Kajian Keberkesanan dan Pencapaian » Laporan yang disediakan akan dibentangkan kepada EXCO dan LPU » Membuat kajian penambahbaikan kepada program yang telah dijalankan » Pelaksanaan Program Kepimpinan (Karisma) untuk siri berikutnya kepada calon-calon yang lain.

MENGKONDUSIFKAN INFRASTRUKTUR & KOMUNIKASI

Secara umumnya kondusif bermaksud menyediakan keadaan yang sesuai untuk sesuatu yang baik berlaku atau wujud. Satu daripada teras strategik UniMAP ialah ekosistem yang kondusif. Dengan erti kata lain kita perlu mewujudkan suasana persekitaran universiti yang menjdi medan belajar dan bekerja yang aman, sejahtera, tenteram, menyeronokkan, membahagiakan dan seumpamanya. Selain daripada hubungan dan interaksi yang bermakna antara komunitinya, kekondusifan ekosistem dibina juga oleh elemen infrastruktur dan kemudahan.

Secara relatif kampus UniMAP masih baru. Selain daripada perlu menyediakan infrastruktur yang sesuai dan mencukupi untuk dimanfaatkan oleh komunitinya, warga universiti perlu menyelenggara segala ruang, kemudahan, peralatan dan automasi supaya sentiasa dapat berfungsi dengan baiknya tanpa mengecewakan komuniti universiti atau pengguna. Usaha–usaha menjaga persekitaran kampus secara kolektif dan kerjasama perlu ditingkatkan supaya dapat menyangga agenda penjimatan tanpa mengurangkan nilai perkhidmatan yang ditawarkan.

Secara umum komunikasi maknawi bermaksud perkongsian mesej individu, kumpulan atau organisasi yang memberikan manfaat kepada individu, kumpulan, organisasi dan bertujuan mensejahterakan masyarakat. Komunikasi maknawi dalam organisasi melibatkan data, maklumat dan ilmu yang berkaitan dengan polisi, peraturan, arahan kerja, prosedur kerja, prestasi dan pencapaian serta maklum balas yang berkaitan dengannya, inovasi dan matlamat strategik organisasi yang dikongsi sesama anggota intraorganisasi dan interorganisasi secara menyangga dan berhemah mengikut lunas–lunas agama. Komunikasi ini meraikan juga idea, pandangan dan cadangan daripada semua staf, kumpulan kerja dan pihak–pihak yang berkepentingan tanpa mengira peringkat jawatan (UTNC 2011).

Selain itu, objektif ini turut memberikan penekanan pada aspek kecekapan dan keberkesanan penyediaan kemudahan dan penggunaan teknologi komunikasi. Hal ini melibatkan perkhidmatan ICT yang dapat membantu akses kepada maklumat yang cepat dan keberkesanan dan penggunaan teknologi ICT, perisian dan aplikasi secara berhemah untuk kepentingan pekerjaan dan pembangunan masyarakat serta negara.

Inisiatif Umum:

- Mengukuhan konsep kampus alam, kampus bandar, dan kampus hijau yang mesra manusia dan alam, serta berorientasikan masyarakat.
- Meningkatan kualiti infrastruktur dan fasiliti ke taraf antarabangsa.
- Meningkatan kualiti infrastruktur berkonsepkan edutourism.
- Mewujudkan garis panduan lengkap yang menjelaskan kaedah pelaksanaan konsep edutourism.
- Menaiktaraf asrama yang sesuai untuk mahasiswa dan penuntut pascasiswazah antarabangsa.
- Mendapatkan sijil yang sesuai bagi semua makmal supaya dapat menjadi tempat bekerja yang sihat dan selamat.
- Mengkalibrasikan dan menyelenggara secara komprehensif peralatan–peralatan makmal yang kritikal untuk tujuan kerja–kerja konsultansi.
- Mewujudkan pelbagai medium rasmi dan tidak rasmi untuk menjadi wadah perkongsian pengalaman disemua peringkat organisasi.
- Meningkatkan keupayaan berkomunikasi supaya semua warga UniMAP dapat melaksana tugas dan tanggungjawab masing–masing dengan meningkatkan komitmen komunikasi menyangga.
- Mewujudkan ekosistem komunikasi dalaman dan luaran yang lebih kondusif dan maknawi supaya kita dan lebih banyak pihak berasa lebih selesa dan teruja apabila berhubung dan berurusan dengan sesama warga dalaman dan luar dan universiti.
- Melebarkan jaringan komunikasi organisasi dan kemanusiaan maknawi.
- Meningkatan keupayaan infostruktur ICT ke tahap mesra pengguna dalaman dan antarabangsa.
- Meningkatkan penggunaan media sosial untuk mendekati dan menarik minat masyarakat untuk memanfatakan kewujudan UniMAP.
- Mengemaskinikan data dan maklumat dalam talian supaya keputusan di semua peringkat dapat dibuat dengan betul dan tepat.

PELAN TINDAKAN PELAKSANAAN INISIATIF 5 TAHUN

NO.	KPI/KIP	FASA PELAKSANAAN INISIATIF		
		2016	2017 – 2018	2019 – 2020
1	Meningkatkan Kualiti Kemudahan Makanan & Minuman	» Proses perbincangan dan mesyuarat bersama pihak-pihak terlibat dalam kualiti kemudahan makanan dan minuman (April - Disember 2016) » Mengkaji semula survei sediada dan menyediakan survei baru yang dapat menilai kualiti kemudahan makanan dan minuman (Julai - September 2016) » Mesyuarat koordinasi dengan semua pihak peniaga makanan & minuman dalam kampus UniMAP (Disember 2016) » Melakukan survei pertama pada Disember 2016.	» Menyediakan rujukan dan garis panduan premis agar mengambilkira keselesaan premis, kebersihan premis, kualiti makanan, harga makanan, keindahan suasana (Januari - April 2017) » Proses perbincangan dan mesyuarat bersama pihak-pihak terlibat dalam kualiti kemudahan makanan dan minuman (Januari - Disember 2017 & Januari - Disember 2018) » Mesyuarat koordinasi dengan semua pihak peniaga makanan & minuman dalam kampus UniMAP iaitu dua kali setahun (Jun hingga Disember 2017 & Jun hingga Disember 2018) » Melakukan survei kedua pada Disember 2017 » Data survei digunakan sebagai rujukan untuk penambahbaikan premis atau kualiti kemudahan makanan dan minuman. Menilai semula premis dan lokasi yang mendapat tahap kepuasan yang tidak puas hati. (Januari - Mac 2018) » Melakukan survei ketiga pada Disember 2018	» Proses perbincangan dan mesyuarat bersama pihak-pihak terlibat dalam kualiti kemudahan makanan dan minuman (Januari - Disember 2019 & Januari - Disember 2020) » Mesyuarat koordinasi dengan semua pihak peniaga makanan & minuman dalam kampus UniMAP iaitu dua kali setahun (Jun hingga Disember 2019 & Jun hingga Disember 2020) » Melakukan survei keempat pada Disember 2019 » Data survei digunakan sebagai rujukan untuk penambahbaikan premis atau kualiti kemudahan makanan dan minuman. Menilai semula premis dan lokasi yang mendapat tahap kepuasan yang tidak puas hati. (Januari - Mac 2020) » Melakukan perubahan segera jika ada lagi premis dan lokasi kemudahan mkanan dan minuman mendapat tahap yang tidak puas hati. (April - Oktober 2020) » Melakukan survei kelima pada Disember 2020
2	Meningkatkan Kualiti Kemudahan Pengangkutan	» Proses Rekabentuk, Penyediaan Lukisan dan Persiapan Pra-Sebutharga Fasa 2. (Mei – Jun 2016) » Proses Mendapatkan Kelulusan Bajet. (Julai 2016) » Proses Sebutharga Fasa 2. (Ogos – September 2016) » Pembinaan Fasa 2. (Oktober 2016 – Mac 2017)	» Sambungan Pembinaan Fasa 2. (Oktober 2016 – Mac 2017) » Proses Rekabentuk, Penyediaan Lukisandan Persiapan Pra-Sebutharga Fasa 3. (Mei – Julai 2018) » Proses Sebutharga Fasa 3. (Ogos – September 2018) » Pembinaan Fasa3. (Oktober 2018 – Mac 2019)	» Sambungan Pembinaan Fasa 3. (Oktober 2018 – Mac 2019)

PELAN TINDAKAN PELAKSANAAN INISIATIF 5 TAHUN

NO.	KPI/KIP	FASA PELAKSANAAN INISIATIF		
		2016	2017 – 2018	2019 – 2020
3	Mengadakan Teduhan & Laluan Pejalan Kaki	» Proses Rekabentuk dan Penyediaan Lukisan Lanskap Fasa 1. (April – Mei 2016) » Penanaman Pokok Lanskap Fasa 1. (Jun – Disember 2016)	» Proses Rekabentuk dan Penyediaan Lukisan Lanskap Fasa 2. (April - Mei 2017) » Penanaman Pokok Lanskap Fasa 2. (Jun - Disember 2017) » Proses Rekabentuk dan Penyediaan Lukisan Lanskap Fasa 3. (April - Mei 2018) » Penanaman Pokok Lanskap Fasa 3. (Jun - Disember 2018)	» Proses Rekabentuk dan Penyediaan Lukisan Lanskap Fasa 4. (April - Mei 2019) » Penanaman Pokok Lanskap Fasa 4. (Jun - Disember 2019) » Proses Rekabentuk dan Penyediaan Lukisan Lanskap Fasa 5. (April - Mei 2020) » Penanaman Pokok Lanskap Fasa 5. (Jun - Disember 2020)
4	Membangun dan melaksanakan Dasar Kelestarian Universiti	» Dokumen Dasar Kelestarian Universiti yang diluluskan oleh Pengurusan serta mengubah dasar universiti agar bersesuaian dengan dasar kelestarian (Julai - Disember 2016) » Melaksanakan Dasar Kelestarian Fasa 1 secara berperingkat (Mei – Disember 2016) » Mesyuarat koordinasi Dasar Kelestarian sekurang-kurangnya 4 kali setahun (Januari – Disember 2016)	» Mengkaji semula Dasar Kelestarian Fasa 1 dan penambahbaikan hingga semua dalam Fasa 1 dapat diikuti warga kampus (Januari - Mei 2017) » Penambahbaikan Dasar Kelestarian Fasa 1 secara berperingkat (Mei - Disember 2017) » Melaksanakan Dasar Kelestarian Fasa 2 secara berperingkat (Januari - Mei 2018) » Mengubah dasar universiti agar bersesuaian dengan dasar kelestarian (Jun - Disember 2018) » Mesyuarat koordinasi Dasar Kelestarian sekurang-kurangnya 4 kali setahun (Januari – Disember 2017 & Januari - Disember 2018)	» Mengkaji semula Dasar Kelestarian Fasa 2 dan penambahbaikan hingga semua dalam Fasa 2 dapat diikuti warga kampus (Januari - Disember 2019) » Melaksanakan Dasar Kelestarian Fasa 3 dan kesemua Dasar Kelestarian secara konsisten (Januari - Disember 2020) » Mesyuarat koordinasi Dasar Kelestarian sekurang-kurangnya 4 kali setahun (Januari – Disember 2019 & Januari - Disember 2020)
5	Bilangan lokasi yang telah ditransformasi daripada litar suwa kepada *wireless bridge*	» Proses mendapatkan kelulusan bajet (Disember 2015) » Penilaian Tender Kontraktor (April 2016) » Perlaksanaan transformasi Fasa 3.1 Kbg Gajah – KWSP (Mei - Julai 2016) » Perlaksanaan transformasi Fasa 3.2 KWSP – Pangkalan Jaya (Mei - Julai 2016) » Perlaksanaan transformasi Fasa 3.3 Pangkalan Jaya – Pangkalan Asam (Mei - Julai 2016) » Perlaksanaan transformasi Fasa 3.4 Pangkalan Asam – Taman Pertiwi Indah (Mei - Julai 2016)	» Perlaksanaan transformasi Fasa 4 - 4 lokasi Zon Kangar (Disember 2017) » Perlaksanaan transformasi Fasa 5 - 4 lokasi Zon Arau (Disember 2018)	» Perlaksanaan transformasi Fasa 6 - 4 lokasi Zon Kuala Perlis (Disember 2019) » Perlaksanaan transformasi Fasa 7 - 4 lokasi Zon Kuala Perlis (Disember 2020)

MEMBUDAYAKAN PROFESIONALISME & KEUSAHAWANAN



Profesionalisme ialah suatu konsep yang dihubungkaitkan dengan sikap dan tingkah laku individu atau budaya kerja sesuatu kumpulan manusia. Sikap, tingkah laku dan budaya kerja yang dimaksudkan ialah sikap, tingkah laku dan budaya kerja yang mengutamakan dan mengamalkan sifat–sifat yang positif (seperti dedikasi, cekap, berdisiplin, komited terhadap pekerjaan, beretika, sistematik, ada akauntabaliti dan sebagainya). Selain daripada sifat ini, seseorang individu atau sekumpulan individu yang dianggap profesional, diperkukuh oleh ciri mereka yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam proses melaksana tugas dan tanggungjawab pekerjaan. Oleh sebab itu dapat dikatakan bahawa semakin banyak pengamalan sifat positif, semakin berpengetahuan dan berkemahiran tinggi, semakin tinggi tahap profesionalisme seseorang individu atau sekumpulan individu.

Agenda keusahawanan telah diberi penekanan di UniMAP sejak tahun 2009 dalam Ucaptama Naib Canselor (UTNC) dan diperingatkan semula dalam UTNC 2014. Terdapat beberapa banyak definisi keusahawanan. Dalam UTNC 2014, keusahawanan ditakrifi sebagai *"...the pursuit of opportunity beyond the resources currently controlled...for the purpose of maximising social and economic values."* Selain daripada bersikap profesional dalam pekerjaan warga UniMAP diminta berubah ke arah berminda keusahawanan. Agenda ini penting kerana perkaitannya yang kuat dengan objektif penjanaan pendapatan dan kemampanan kewangan universiti pada masa depan.

Inisiatif Umum:

» Melatih siswazah kita berniaga untuk menjadi usahawan dengan menubuhkan syarikat mereka sendiri dan menyediakan peluang kerja untuk mereka dengan meng–*outsource*–kan kerja–kerja yang tidak dapat kita tangani dengan efisien dan efektif secara dalaman.
» Menyediakan kertas dasar dan garis panduan penubuhan inkubator untuk membolehkan para pelajar yang bakal bergraduat dan siswazah dilatih sebagai usahawan.
» Melaksana lebih banyak aktiviti yang berupaya memberikan ilmu dan menerbitkan minat dan motivasi yang tinggi dalam kalangan staf supaya berjiwa usahawan.
» Menawarkan kursus dan bengkel keusahawanan korporat *(intrpreneur)* secara lebih komprehensif dan berterusan.
» Menambahbaik program–program kesedaran tentang bidang profesionalisma dalam kalangan staf disemua peringkat

PELAN TINDAKAN PELAKSANAAN INISIATIF 5 TAHUN

NO.	KPI/KIP	FASA PELAKSANAAN INISIATIF		
		2016	2017 – 2018	2019 – 2020
1	Bilangan staf yang terlibat dalam program keusahawanan	» Mengenalpasti dan menganjurkan program program asas/pengenalan keusahawanan kepada staf UniMAP. » Menyediakan dasar keusahawanan UniMAP dengan mengambilkira penyertaan staf dalam program-program keusahawanan.	» Penerapan dan pendedahan kepada nilai nilai keusahawanan melalui pertandingan bercirikan keusahawanan diantara PTj.	» Mewujudkan pengiktirafan tertentu kepada staf yang menyumbang kepada pembangunan keusahawanan UniMAP. » Memperkasakan staf melalui penglibatan dalam program program keusahawanan secara praktikal.
2	Jumlah pengumpulan dana melalui tabung-tabung keusahawanan & pengkomersilan UniMAP	» Mewujudkan ahli Jawatankuasa Keusahawanan bagi merancang penjanaan pendapatan melalui aktiviti keusahawanan UniMAP. » Penjimatan penggunaan kewangan dana KPT bagi program keusahawanan. » Pemilihan ahli jawatakuasa Harta Intelek & Pengkomersilan peringkat Universiti bagi memaksimakan pengkomersilan teknologi dan meminimakan kos pendaftaran harta intelek. » Penjanaan pendapatan melalui kaedah jualan terus dan pelesenan teknologi kepada syarikat syarikat terbitan (kerjasama dengan agensi luar).	» Penjanaan pendapatan melalui yuran penyertaan kursus kursus keusahawanan kepada pelajar dan staf. » Mewujudkan inkubator perniagaan dalam/ berdekatan kampus tetap UniMAP bagi merancakkan penubuhan syarikat terbitan UniMAP.	» Penjanaan pendapatan melalui yuran penyertaan kursus-kursus keusahawanan kepada usahawan-usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana. » Mewujudkan pengiktirafan tertentu kepada staf/ pelajar yang menyumbang kepada pembangunan keusahawanan UniMAP. » Memperkasakan staf/pelajar melalui penglibatan dalam program program keusahawanan secara praktikal.



MEMANTAPKAN TADBIR URUS

"Bab ini menjelaskan kaedah pemantapan tadbir urus menerusi keseimbangan antara autonomi dan akauntabiliti sesebuah IPT supaya lebih telus, selari dengan kepentingan negara. Bab ini juga menerangkan penurunan kuasa Kementerian Pendidikan (Kementerian) kepada IPT, sekaligus memantapkan tadbir urus IPT setelah perundingan dibuat dengan pelbagai pihak berkepentingan. Dalam hal ini, tumpuan adalah untuk memastikan peranan dan tanggungjawab lebih jelas dalam kalangan pihak berkepentingan, di samping menjelaskan semula struktur tadbir urus dan hak membuat keputusan IPT" (PPPM [PT]).

Inisiatif Umum:

- Melestarikan urus tadbir melalui pelaksanaan *Codes of University Good Governance* (CUGG).
- Mempermantapkan pengurusan risiko yang bersifat komprehensif.
- Melaksanakan konsep *Lean Civil Services*.
- Melaksanakan Sistem Penilaian Prestasi berdasarkan *Contract–Based Outcome.*
- Mewujudkan UniMEL.
- Mentransformasikan struktur organisasi.
- Mengharmonikan piawaian dan peraturan universiti.

PELAN TINDAKAN PELAKSANAAN INISIATIF 5 TAHUN

NO.	KPI/KIP	FASA PELAKSANAAN INISIATIF		
		2016	2017 – 2018	2019 – 2020
1	Bilangan Penilaian Kendiri yang dijalankan	» Mewujudkan Jawatankuasa Pembangunan Parameter Penilaian » Penanda aras Paramater Penilaian Kementerian dan UA » Membangunkan parameter dasar utama yang ditetapkan » Kelulusan Pihak Berkuasa	» Melaksanakan proses penilaian secara berterusan mengikut terma kontrak » Penyerahan maklumat penilaian kepada kementerian	» Melaksanakan proses penilaian secara berterusan » Penyerahan maklumat penilaian kepada kementerian
2	Bilangan dasar yang dibangunkan dan diterima pakai	» Mewujudkan Jawatankuasa Pemerkasaan dasar » Memperkasakan dasar sedia ada » Membangunkan dasar baharu » Mempertimbang Pekeliling Rasmi Kerajaan untuk diterima pakai	» Membangunkan kaedah hebahan dasar secara atas talian sepenuhnya » Perkongsian dasar yang diterbitkan	» Penambahbaikan dan kajian dasar mengikut keperluan semasa
3	Melaksanakan Pengurusan Risiko untuk 7 Proses terpilih	» Mewujudkan Jawatankuasa Induk Risiko » Mewujudkan Jawatankuasa Kerja Risiko » Melaksanakan Bengkel Pengurusan Risiko » Mendapatkan Kelulusan Pihak Berkuasa Universiti » Mendokumentasikan 1 Proses Pengurusan Risiko	» Melaksanakan Bengkel Pengurusan Risiko Siri 2 » Mewujudkan Jawatankuasa Audit » Mendokumentasikan 2 Proses Pengurusan Risiko » Menjalankan Semakan & Penilaian Risiko	» Melaksanakan Bengkel Pengurusan Risiko Siri 3 » Mendokumentasikan 4 Proses Pengurusan Risiko » Menjalankan Semakan & Penilaian Risiko
4	Bilangan BOD *Talk* yang dijalankan	» Mewujudkan jawatankuasa pelaksana. » Menetapkan topik perkongsian *Talk/Forum* mengikut bidang kepakaran	» Penjanaan Kewangan melalui BOD *Talk*	» Penjanaan Kewangan melalui BOD *Talk*

MENGEFISIENKAN SISTEM PENYAMPAIAN



"Penyampaian pendidikan tinggi meliputi semua aspek fungsi Kementerian Pendidikan Malaysia (Kementerian), daripada penggubalan dasar dan peraturan, hinggalah pelaksanaan program dan pemantauan IPT... Ini termasuklah usaha menyusun semula peranan dan struktur dalam Kementerian, mewujudkan keharmonian merentas IPT awam dan swasta, mengukuhkan jaminan kualiti, meningkatkan keupayaan penyampaian dalam Kementerian sendiri, dan memperbaik entiti penting yang menjalankan urusan langsung dengan pelajar..." (PPPM [PT]).

Sistem penyampaian yang efisien diperlukan untuk memenuhi tuntutan pihak berkepentingan yang terus meningkat. Hakikatnya, kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian bergantung pada kualiti tenaga kerja. Sehubungan ini, pengurusan sumber manusia berasaskan kompetensi wajar dipermantap untuk membajai tenaga kerja supaya mempunyai sikap, kemahiran dan pengetahuan yang relevan dengan peredaran masa. Dengan sikap, kemahiran dan pengetahuan yang sentiasa mahu diubahkan secara positif dijangkakan dapat mewujudkan proses–proses kerja yang efisien dan efektif. Usaha–usaha ini perlulah dilaksana secara berterusan sehingga perkhidmatan yang ditawarkan oleh universiti mencapai bertaraf antarabangsa.

Inisiatif Umum:

» **Mempiawaiankan Polisi Perkongsian Pintar Universiti–Industri**

» Memperkukuhkan jaringan dengan industri–industri di dalam dan luar negara mengikut model perkongsian UniMAP–KACST dan Nihon Superior.
» Meneroka peluang kerjasama dengan GLC seperti Felda & Felcra.
» Meningkatkan jaringan dengan universiti dan industri di negara–negara Thailand, Kemboja, Laos, Myanmar, Vietnam (TCLMV)

» **Memperkasa Unit Penyampaian Untuk Mamacu Palaksanaan Pelan Strategik UniMAP**

» Meningkatkan keupayaan Unit iPMO menjadi Unit Penyampaian di PUSPEK.
» Memantau, Mengumpulkan dan Menganalisis Data dan Melapor Kemajuan PSU
» Menyelaraskan penyelesaian masalah yang berkaitan PSU.
» Menambabaik komunikasi dan sistem ePIC supaya menjadi lebih mesra pengguna dan pihak berkepentingan.

» **Mentransformasikan Universiti Berasaskan *Playbook***

» Menggerakkan PTJ supaya melaksanakan transformasi berasaskan *playbook*.
» Mempromosikan *playbook* yang dikuatkuasakan oleh KPT
» Memastikan aktiviti transformasi universiti mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh *playbook* yang dikeluarkan oleh KPT.

» **Mentranformasi Proses Kerja Berasaskan Standard & Jaminan Kualiti**

» Melaksanakan ISO 9001:2015 mulai 2016
» Melaksana *UniMAP Way*: Sistem Pengurusan Bersepadu
» Mendapatkan Sijil *Environment Management System* (EMS)
» Mendapatkan Sijil *Occupational Safety and Health* (OSH)
» Menpiawaikan PTJ yang strategik melalui kaedah pensijilan dalaman.
» Mendapatkan sijil ISO 9001:2015

» **Menambahbaik Sistem Penarafan Universiti**

» Meningkatkan pencapaian dalam *QS Asia University* (AUR) ke tahap 150 universiti terbaik.
» Meningkatkan kualiti program pengajian kejuruteraan ke tahap 300–400 terbaik dunia berasaskan sistem pemeringkatan QS.
» Meningkatkan kualiti penyelidikan ke tahap 5 atau 6 bintang berasaskan MyRA.
» Meningkatkan kualiti industri ke tahap 5 atau 6 bintang instrumen SETARA dan D–SETARA.

» **Mengukuhkan Pemasaran Strategik**

» Memantapkan strategi pemasaran di dalam negara dan di luar negara bagi semua program akademik termasuk program pembelajaran sepanjang hayat.
» Mengupayakan unit pemasaran secara bersepadu bagi peringkat diploma hingga pascasiswazah
» Melantik agen–agen pemasaran antarabangsa yang profesional.



MENGEFISIENKAN SISTEM PENYAMPAIAN

PELAN TINDAKAN PELAKSANAAN INISIATIF 5 TAHUN

NO.	KPI/KIP	FASA PELAKSANAAN INISIATIF		
		2016	2017 – 2018	2019 – 2020
1	Bilangan PTj yang mengamalkan sistem kerja mengikut QMS ISO9001:2015 melalui persijilan dalaman.	» Menyediakan kertas cadangan pelaksanaan program dan mendapatkan kelulusan pegawai utama universiti. » Mengadakan siri perbincangan dengan PTj yang terpilih. » Melaksana kursus kesedaran QMS di PTj yang terpilih.	» Menganjurkan kursus penulisan SOP kepada PTj yang terpilih. » Melaksana audit dokumen di PTj terpilih. » Melaksana audit pematuhan SPK ISO9001:2015 secara persijilan dalaman di PTj terpilih. » PTj terpilih dipersijilkan secara dalaman.	» Mengadakan semakan semula SOP. » Melaksana audit pematuhan mengikut tarikh persijilan. » Melaksanakan audit persijilan semula mengikut tarikh sah tempoh persijilan (3 tahun). » Mengembangkan inisiatif ke PTj lain mengikut arahan universiti.
2	Bilangan proses kerja pentadbiran am terpiawai yang dimurnikan dan diselaraskan di semua PTj	» Mengenalpasti proses kerja yang perlu dipiawaikan. » Menyediakan proses kerja terpiawai untuk diamalkan di seluruh PTj. » Mempromosikan usaha ke seluruh universiti. » Menguatkuasakan proses kerja yang terpiawai.	» Mengaudit pelaksanaan proses kerja yang terpiawai. » Menambahbaik proses kerja yang terpiawai berdasarkan penemuan audit. » Mendapatkan pandangan dari pakar rujuk sebagai langkah mengurangkan jurang *(Gap Analysis).*	» Memurnikan proses kerja yang terpiawai. » Menerbitkan Piawaian Proses Kerja yang telah dimurnikan sebagai Amalan Terbaik *(Best Practices).* » Penguatkuasaan Amalan Terbaik secara menyeluruh
3	Bilangan program pengajian kejuruteraan yang mendapat pengiktirafan melebihi 3 tahun.	» Mengadakan Lawatan Audit Kualiti Akademik secara dalaman. » Membuat perbincangan terhadap semakan dokumen SAR. » Memperkasakan proses aliran kerja dalam pengurusan akreditasi. » Menambah bilangan Jurutera Profesional di kalangan ahli akademik Universiti.	» Mengadakan Lawatan Audit Kualiti Akademik Dalaman secara berkala bertujuan penambahbaikan berterusan (CQI). » Membuat penyelerasan dan penambahbaikan terhadap penyediaan dokumen SAR. » Mendapatkan pandangan dari pakar rujuk berkenaan proses pengiktirafan akreditasi. » Mendapatkan bilangan minimum yakni tiga (3) Jurutera Profesional bagi setiap program.	» Lawatan Pematuhan Audit Kualiti Akademik secara menyeluruh. » Memurnikan dokumen SAR selaras dengan keperluan akreditasi diperingkat antarabangsa. » Mendapatkan pandangan dari pakar rujuk berkenaan masa depan pengiktirafan akreditasi secara glokal. » Mendapatkan bilangan empat (4) atau lebih Jurutera Profesional bagi setiap program.

MEMPERKASAKAN EKOSISTEM INOVASI

"Untuk terus berkembang pesat, ekosistem ini memerlukan perkongsian kerjasama yang menggabungkan lingkaran empat pihak *(quadruple helix)*, terdiri daripada akademia, industri, Kerajaan dan komuniti. Kerjasama ini mempercepatkan pengkomersilan idea... Keberhasilan yang dihasratkan menerusi pelan ini termasuk penetapan beberapa bidang penyelidikan strategik dan berfokus, dan penyediaan mekanisme pendanaan untuk memangkinkan penglibatan dan pelaburan yang lebih besar oleh sektor swasta. Kementerian juga akan bekerjasama dengan semua IPT dan agensi lain untuk mewujudkan persekitaran yang menyokong penyelidikan yang dipacu universiti (university–driven) dan dipacu industri *(demand–driven)*" (PPPM [PT]).

Inisiatif Umum:

- Mewujudkan Pusat Inovasi UniMAP (UniMAP Innovation Centre, UniVATION).
- Menggalakkan penyelidikan multi–disiplin berfokuskan bidang tujahan UnIMAP: Elektronik gunaan multi – disiplin (*multidiciplinary applied electronics)*.
- Mengurangkan aktiviti penyelidikan secara "silo"s
- Memadankan penyelidikan dengan pihak berkepentingan bagi akses kepada kemudahan penyelidikan dan teknologi yang sedia ada.
- Penjenamaan semula (rebranding sistem GA kepada *PostGradScholarship*@UniMAP menambahbaik syarat penganugerahan, kaedah pemantauan serta menambah bilangan pembiayaan agar dapat menarik penyelidik/pelajar paska siswazah terbaik ke UniMAP.
- Memberikan insentif khas dalam menggalakkan penyelidikan berorientasikan masyarakat dan industri.
- Memperkasa Pejabat Pemindahan teknologi (E–CIP) berpusatkan pihak berkepentingan.
- Mengenalpasti dan membangunkan Standard Operating Procedure (SOP) serta *Term of Reference* (TOR) ke arah mewujudkan Ekosistem Inovasi yang mantap.
- Menganugerahkan beberapa slot GA secara automatik kepada penyelia yang mempamerkan kecemerlangan dalam bidang penyelidikan.

PELAN TINDAKAN PELAKSANAAN INISIATIF 5 TAHUN

NO.	KPI/KIP	FASA PELAKSANAAN INISIATIF		
		2016	2017 – 2018	2019 – 2020

1	Bilangan pelajar PhD berdaftar	» Meningkatkan promosi yang berstruktur dan agresif.
		» Memperbanyakkan program-program mod kerja kursus
		» Kolaborasi dengan universiti luar Negara (*dual/twinning postgraduate degree*).
		» Penawaran program pascasiswazah di institusi rakan strategik luar Negara.
		» Dana khas untuk biaya pelajar-pelajar cemerlang dalam bidang-bidang *'niche'* UniMAP:
		  » GA RnD
		  » GA MyBrain15
			» Meningkatkan promosi yang berstruktur dan agresif.
			» Memperbanyakkan program-program mod kerja kursus
			» Kolaborasi dengan universiti luar Negara *(dual/twinning postgraduate degree).*
			» Penawaran program pascasiswazah di institusi rakan strategik luar Negara.
			» Dana khas untuk biaya pelajar-pelajar cemerlang dalam bidang-bidang *'niche'* UniMAP:
			  » GA RnD
			  » GA MyBrain15
				» Meningkatkan promosi yang berstruktur dan agresif.
				» Memperbanyakkan program-program mod kerja kursus
				» Kolaborasi dengan universiti luar Negara *(dual/twinning postgraduate degree).*
				» Penawaran program pascasiswazah di institusi rakan strategik luar Negara.
				» Dana khas untuk biaya pelajar-pelajar cemerlang dalam bidang-bidang *'niche'* UniMAP:
				  » GA RnD
				  » GA MyBrain15

2	Bilangan pelajar PhD bergraduat	» Bengkel Penyeliaan Pascasiswazah. » Bengkel Penulisan Tesis. » Bengkel Kaedah Penyelidikan. » Wujudkan perkhidmatan *'proofread'* yang berbayar.	» Bengkel Penyeliaan Pascasiswazah. » Bengkel Penulisan Tesis. » Bengkel Kaedah Penyelidikan. » Wujudkan perkhidmatan *'proofread'* yang berbayar.	» Bengkel Penyeliaan Pascasiswazah. » Bengkel Penulisan Tesis. » Bengkel Kaedah Penyelidikan. » Wujudkan perkhidmatan *'proofread'* yang berbayar.
3	Jumlah pendapatan yang dijana oleh universiti. (Penyelidikan, pembangunan, pengkomersilan (R&D&C) dan sebagai penyedia penyelesaian masalah atau pemindahan ilmu.)	» Menambahbaik polisi perundingan sedia ada bagi menggalakkan penjanaan kewangan universiti berlandaskan konsep *"revenue-sharing"*. » Menggalakkan dan membantu penganjuran kerja perundingan (penyelidikan kontrak/ pengujian/ IP *licensing*), serta kursus jangka pendek (industri dan awam) untuk Pusat Pengajian dan PTj » Menggalakkan Program Latihan Khas (menaiktaraf Juruteknik di Industri menerusi latihan) untuk Pusat Pengajian dan PTj. » Membangunkan "UniMAP *Yellow Pages*" secara atas talian yang mengandungi kepakaran, kursus, fasiliti dan kelengkapan untuk dipromosikan kepada pihak industri dan awam.	» Membantu mewujudkan kumpulan pemasaran untuk mempromosikan kegiatan penjanaan kewangan. » Penubuhan anak syarikat UniMAP berasakan R&D&C yang boleh memberi insentif cukai kepada industri/klien. » Berkolaborasi dengan penyedia perkhidmatan latihan bagi kerjasama kursus untuk Pusat Pengajian dan PTj » Memantap dan meluaskan penggunaan "UniMAP *Yellow Pages"*.	» Membantu menaiktaraf fasiliti bagi memenuhi permintaan teknologi semasa industri menerusi dana-dana khas industry (cth: NCIA, CREST). » Mewujudkan syarikat *"spin-off"* di bawah UniMAP Holdings bagi memasarkan produk-produk yang dihasilkan berkonsepkan model perniagaan yang melibatkan gabungan penyelidik, universiti dan Holdings.

Lifelong Learning

MELESTARIKAN PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

"Dalam konteks Malaysia, pembelajaran sepanjang hayat ditafrifkan sebagai proses pendemokrasian pendidikan menerusi penguasaan ilmu, kemahiran, dan keterampilan menerusi kaedah formal atau tidak formal berdasarkan pengalaman di tempat kerja atau semasa latihan... PSH boleh diakses terutamanya menerusi pembelajaran jarak jauh, e–pembelajaran, pembelajaran di tempat kerja dan pembelajaran separuh masa... [Usaha–usaha ini dilaksana untuk] membangunkan bakat rakyat Malaysia dan langkah ke arah masyarakat berpengetahuan dan ekonomi berasaskan inovasi" (PPPM [PT]).



Inisiatif Umum:

» Memperkasakan mahasiswa dan alumni melalui persijilan kompetensi dan kemahiran.
» Memantapkan Pembudayaan PSH dalam kalangan masyarakat melalui persijilan.
» Meningkatkan kompetensi staf di peringkat profesional dan pentadbiran melalui persijilan dan pemerolehan *Continuing Professional Development* (CPD).
» Mengeratkan Jalinan Industri–UniMAP untuk meningkatkan penerimaan industri terhadap peserta PSH UniMAP.



PELAN TINDAKAN PELAKSANAAN INISIATIF 5 TAHUN

NO.	KPI/KIP	FASA PELAKSANAAN INISIATIF		
		2016	2017 – 2018	2019 – 2020
1	Enrolmen Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH)	» Menerapkan APEL untuk kursus jangka pendek. » Mewujudkan dan mengekalkan program kesedaran PSH melalui kempen dan jerayawara yang lebih giat » Membentuk laluan luas untuk penjurusan kemahiran dan teknikal untuk mobiliti yang lebih besar kepada pelajar terutamanya di dalam bidang TVET.	» Mempergiat kerjasama dengan kementerian dan agensi-agensi lain untuk mempromosi dan perkongsian amalan terbaik PSH. » Mempelbagaikan kaedah penyampaian PSH. » Memperoleh pengiktirafan oleh agensi kerajaan dan swasta bagi program PSD untuk tujuan perjawatan dan penggajian.	» Terus mempromosi program kesedaran PSH dan manfaat program. » Terus memastikan penjajaran berlaku di antara program PSH ditawarkan dengan pengetahuan, kemahiran dan sikap yang diperlukan rakyat Malaysia untuk berkembang maju di abad ke-21.
2	Nilai Penjanaan pendapatan Program PSH	» Menyediakan program PSH yang inovatif dan mempunyai permintaan tinggi untuk menarik lebih penyertaan peserta sasaran.	» Memperkenalkan lebih banyak program baharu PSH yang relevan dengan perkembangan semasa ekonomi Malaysia. » Mempelbagaikan mekanisme pendanaan menerusi pelbagai sumber oleh kementerian dan agensi lain dan memberi insentif kepada sumbangan daripada syarikat swasta dan GLC. » Mempelbagaikan kaedah penyampaian PSH.	» Memperoleh pengiktirafan oleh agensi kerajaan dan swasta bagi program PSH untuk tujuan perjawatan dan penggajian.

MENGUKUHKAN GOL

"Pembelajaran dalam Talian Tahap Global atau *Globalised Online Learning* (GOL) merupakan antara kaedah utama meluaskan akses pendidikan, meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran, di samping membolehkan pembelajaran disesuaikan mengikut keperluan pelajar...Dalam hal ini, istilah globalisasi bukan sahaja untuk mendapatkan kumpulan sasaran global, malah pembangunan e–kandungan dengan standard antarabangsa...Banyak peluang bagi institusi pendidikan tinggi (IPT) Malaysia untuk mencapai potensi GOL sepenuhnya. Pelaksanaan GOL juga akan menyumbang kepada kecekapan dalam penyampaian kursus dan seterusnya memperluaskan liberalisasi pendidikan Malaysia. Pelaksanaan ini juga akan menyokong agenda negara untuk memupuk masyarakat berilmu dan membudayakan pembelajaran sepanjang hayat (PSH)" (PPPM [PT]).



Inisiatif Umum:

- Meningkatkan Kapasiti & Kompetensi Sumber Manusia
  - Menganjurkan bengkel *e–learning* untuk pensyarah
  - Menganjurkan kursus kesedaran
  - Menambahkan bilangan staf pakar OL di LEAD
  - Melantik pensyarah dan staf sokongan untuk memperkasakan MOOC
  - Memberikan anugerah kepada pendidikan OL
  - Melantik penasihat OL antarbangsa yang tersohor
  - Mewujudkan jawatankuasa QC bagi kandungan kursus OL

- Menaiktaraf Infostruktur ICT
  - Menyediakan peralatan produksi bahan multimedia yang bersesuaian

- Meningkatkan Enrolmen Pelajar Dalam OL
  - Mewujudkan polisi baru yang berkaitan dengan prosedur akademik OL
  - Promosi OL yang lebih prograsif kepada pelaja
  - Menciptakan kursus MIT–edX platform

PELAN TINDAKAN PELAKSANAAN INISIATIF 5 TAHUN

NO.	KPI/KIP	FASA PELAKSANAAN INISIATIF		
		2016	2017 – 2018	2019 – 2020
1	% kursus pembelajaran teradun yang ditawarkan	» Membangunkan program latihan awal untuk membangunkan keupayaan staf akademik dan teknikal dalam aplikasi model pembelajaran teradun.	» Mengukuhkan pendekatan dan proses pedagogi untuk membangunkan kandungan dalam talian dan pembelajaran. » Menyediakan latihan perantaraan dan lanjutan kepada staf.	» Mengkaji semula inisiatif sedia ada serta menyarankan pelaksanaan baharu untuk terus meningkatkan kecekapan dan keberkesanan » Mewujudkan pusat e-pembelajaran sebagai pusat menyelaras aktiviti berkaitan.
2	Bilangan kursus MOOC yang ditawarkan	» Pembangunan program latihan untuk membina kapasiti dan keupayaan staf akademik dan teknikal untuk membangunkan MOOCs. » Pemindahan kredit dilakukan tertakluk kepada penerimaan institusi pelajar berdaftar.	» Membina keupayaan staf akademik dan teknikal untuk pembangunan MOOC. » Mengadakan bengkel ToT *(Training of Trainer)* bagi melatih pakar dalam pembangunan MOOC dari kalangan staf akademik dan teknikal. » Pemindahan kredit di peringkat kebangsaan (pendidikan fleksibel).	» Mengkaji semula inisiatif sedia ada serta menyarankan pelaksanaan baharu untuk terus meningkatkan kecekapan dan keberkesanan. » Pemindahan kredit di peringkat antarabangsa

MENGARUSPERDANAKAN TVET

"Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) merupakan laluan penting untuk pendidikan vokasional dan pembangunan kemahiran. TVET juga merupakan platform utama untuk pembelajaran sepanjang hayat. *United Nations Organisation for Education, Science and Culture* (UNESCO) mentakrifkan TVET sebagai "aspek proses pendidikan selain pendidikan umum yang melibatkan pembelajaran dalam bidang teknologi dan sains berkaitan, dan juga latihan kemahiran praktikal, sikap pemahaman, dan pengetahuan tentang pekerjaan dalam pelbagai sektor ekonomi dan kehidupan sosial." [Lonjakan ini bertujuan] melahirkan graduan TVET berkualiti, dengan kelayakan yang diiktiraf dan keterampilan yang memenuhi permintaan industri" (PPPM [PT]).

Sejak penubuhannya UniMAP cenderung menawarkan program pengajian yang menitikberatkan aktiviti *hands–on* dalam kurikulumnya. Tertakluk pada takrifan TVET oleh badan–badan akreditasi, pada masa ini agenda TVET di UniMAP akan ditumpukan pada program–program pengajian teknologi kejuruteraan dan program–program yang mengandung 40% elemen kemahiran, *hands–on* atau berorientasikan praktikal.

Inisiatif Umum:

- Memantapkan kurikulum dipacu industri
  - Meningkatkan kerjasama dengan industri dan agensi–agensi berkaitan TVET.
  - Memperolehi pensijilan profesional daripada agensi antarabangsa.
  - Meningkatkan kompetensi tenaga pengajaran melalui perolehan persijilan kompetensi.
  - Membangunkan makmal berteknologi tinggi bersama industri.
- Penjajaran kelayakan.
  - Mendapatkan pengiktirafan dan akreditasi Program TVET pada peringkat antarabangsa.
- Penjenamaan semula tvet
  - Memperkasakan program sedia ada menjadi program berteknologi tinggi dan bernilai tinggi.
  - Memperkasa program–program sedia ada menjadi program berteknologi tinggi dan bernilai tinggi.





PELAN TINDAKAN PELAKSANAAN INISIATIF 5 TAHUN

NO.	KPI/KIP	FASA PELAKSANAAN INISIATIF		
		2016	2017 – 2018	2019 – 2020
1	% Pendaftaran pelajar dalam program TVET	» Promosi melibatkan bimbingan kerjaya dan penerangan jelas mengenai laluan TVET dan peluang kerjaya kepada pelajar-pelajar sekolah, institut kemahiran, matrikulasi, politeknik dan kolej-kolej swasta. » Menghasilkan dan mengedarkan artikel/risalah mengenai kelebihan TVET kepada pelajar-pelajar sekolah, institut kemahiran, matrikulasi, politeknik dan kolej-kolej swasta	» Membangunkan pengkalan data graduan TVET (Cth: testimonial, kisah kejayaan graduan dll). » Memperhebatkan promosi di dalam negara dengan menghebah/viral kisah kejayaan graduan TVET dan peluang untuk pelajar TVET di UniMAP untuk memperolehi sijil-sijil kemahiran disamping Sarjana Muda/Diploma.	» Memperhebatkan promosi di dalam dan luar negara dengan menghebah/viral kisah kejayaan graduan TVET dan peluang untuk pelajar TVET di UniMAP untuk memperolehi sijil-sijil kemahiran disamping Sarjana Muda/Diploma dan bersedia untuk menerima kemasukan dari pelajar luar negara untuk program TVET.
2	Jumlah bilangan program yang mendapat akreditasi Malaysian Qualifications Agency (MQA)	» Memastikan kurikulum program yang dibangunkan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh MQA. » Melakukan *pre-audit* (audit dalaman) sebelum audit sebenar oleh panel-panel MQA. » Mendapatkan pengiktirafan daripada MQA bagi 5 Program Teknologi Kejuruteraan.	» Memastikan kurikulum program yang dibangunkan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh MQA. » Melakukan *pre-audit* (audit dalaman pada setiap awal semester bagi semester yang baru lepas) sebelum audit sebenar oleh panel-panel MQA. » Mendapatkan pengiktirafan daripada MQA bagi 8 Program Teknologi Kejuruteraan. » Mendapatkan pengiktirafan daripada MQA bagi 1 Program Ijazah Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Telekomunikasi (iKOM).	» Memperkasakan 13 program-program teknologi yang telah mendapat pengiktirafan MQA. » Melakukan audit dalaman pada setiap awal semester bagi semester yang baru lepas bagi memastikan kualiti pengajaran dan pembelajaran dapat dipertingkatkan dari masa ke semasa. » Meningkatkan kerjasama dengan industri dan agensi-agensi berkaitan TVET untuk mendapatkan input dalam melaksanakan kurikulum yang sejajar dengan keperluan industri » Mengadakan semakan semula kurikulum program secara berkala dengan melibatkan wakil-wakil industri dan agensi-agensi penyelia TVET serta pemegang taruh. » Mengambil tenaga pakar daripada industri sebagai sebahagian dari tenaga pengajar. » Projek Tahun Akhir yang melibatkan penglibatan industri. » Program Sangkutan Industri bagi staff dan pelajar.

NO.	KPI/KIP	FASA PELAKSANAAN INISIATIF		
		2016	2017 – 2018	2019 – 2020
3	Memperkasakan program-program sedia ada menjadi program bernilai tinggi	» Mendapatkan pengiktirafan daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia sebagai Pusat Latihan Sistem Latihan Dual National (SLDN) » Mendapatkan pengiktirafan daripada JPK, Kementerian Sumber Manusia sebagai Pusat Latihan Bertauliah. » Menjalinkan kerjasama dengan syarikat/industri yang berdaftar di bawah program SLDN dengan pihak JPK. » Menghantar tenaga pengajar untuk menghadiri kursus-kursus untuk diiktiraf sebagai tenaga pengajar Pusat Latihan SLDN. » Menghantar tenaga pengajar untuk menghadiri kursus-kursus dan menyediakan portfolio berkaitan untuk diiktiraf sebagai tenaga pengajar Pusat Latihan Bertauliah.	» Pelajar yang menjalani latihan industri akan ditempatkan di syarikat/industri yang berdaftar di bawah program SLDN dengan JPK untuk memastikan pelajar memperolehi Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) disamping program Sarjana Muda/Diploma ketika bergraduat. » Menambah bilangan tenaga pengajar yang diiktiraf sebagai tenaga pengajar di Pusat Latihan Bertauliah agar pelajar memperolehi SKM ketika bergraduat tanpa perlu mengambilkira latihan industri di syarikat/industri yang berdaftar dibawah program SLDN dengan JPK bagi kursus-kursus berkaitan.	» Melahirkan pelajar yang mempunyai sekurang-kurangnya 1 Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) disamping Sarjana Muda/Diploma ketika bergraduat. » Melahirkan selangan pelajar yang mempunyai 2 Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) disamping progam Sarjana Muda/Diploma ketika bergraduat. » Memperolehi pensijilan profesional daripada agensi-agensi antarabangsa bagi kursus-kursus yang berkaitan (Cth. Welding-AWS).



MEMAMPANKAN KEWANGAN





"Malaysia memerlukan sistem pembiayaan jangka panjang yang boleh menampung dan menambah baik keupayan negara untuk menyediakan pendidikan tinggi berkualiti yang boleh diakses secara saksama dan memenuhi standard antarabangsa.... [Lonjakan ini bertujuan] mengurangkan pendanaan menyeluruh kepada IPT awam yang pada masa kini tidak dikaitkan dengan prestasi. IPT awam juga diberi ruang untuk mencari sumber baharu bagi membantu menampung program dan perkhidmatan yang diberikan kepada pelajar, tanpa mengurangkan akses atau menjejaskan kualiti pendidikan yang diberikan" (PPPM [PT]).

Untuk mengekalkan prestasi dan pencapaian kewangan yang baik UniMAP perlu mempelbagaikan sumber pendapatannya sama ada melalui pelbagai program akademik, penyelidikan dan kemasyarakatan yang dilaksana melalui kerjasama pintar dengan industri dan masyarakat. Sehubungan dengan itu, inisiatif pelaburan dan pemerolehan endowmen jangka pendek, sederhana dan panjang perlu disegerakan.

Objektif menjana pendapatan merupakan satu daripada pemacu (driver) Lonjakan Kemampanan Kewangan. Sejajar dengan inisiatif KPT untuk melaksana "...formula baharu pendanaan bagi pembiayaan universiti awam yang dilaksana secara berperingkat bagi mengurangkan kebergantungan IPTA terhadap kerajaan" (PPPM [PT]), maka UniMAP perlu bertindak dengan lebih progresif.

Semua staf sama ada di pusat-pusat pengajian atau Pusat Tanggungjawab (PTJ) hendaklah bersama-sama berasa bertanggungjawab menyangga objektif strategik ini mengikut kapasiti dan keupayaan modal intelektual masing-masing. Objektif ini amat penting dilaksana secara menyeluruh supaya kelangsungan *(survival)* universiti terjamin pada masa depan.

Selain daripada menjana pendapatan, semua staf dan pelajar hendaklah secara bersama-sama mewujudkan budaya berjimat. Penjimatan dapat dilaksana dengan mengamalkan sistem pengurusan tenaga yang lestari, penyelenggaraan bangunan, peralatan dan kemudahan dengan rasa penuh bertanggungjawab, dan penggunaan sumber secara efisien dan efektif.

MEMAMPANKAN KEWANGAN





Inisiatif Umum:

- Mengaktifkan penawaran kepakaran untuk menjana pendapatan untuk menawarkan kursus–kursus yang sesuai kepada masyarakat.
- Meningkatan dana endowmen secara lestari.
- Mengaktifkan jawatankuasa dan aktiviti pengumpulan endowmen.
- Meningkatan projek konsultansi dan kursus profesional yang menyumbang kepada kekayaan ilmu dalam kalangan masyarakat.
- Menubuhan syarikat *spin–off* yang disegani.
- Menawaran program francais, program kawal selia dan program luar kampus.
- Menjana 30% daripada peruntukan tahunan melalui penciptaan kekayaan secara dalaman.
- Mewujudkan kluster perniagaan strategik (SBC).
- Meningkatkan penyewaan aset (Misalnya tanah, asrama, rumah tamu)
- Mewujudkan INNO Park UniMAP
- Mendaftarkan UniMAP sebagai *"Approved Research Institution"* di Kementerian Kewangan
- Menyediakan ekosistem yang menarik untuk memenfaatkan peluang pemotongan cukai dua kali kepada syarikat dan industri.
- Memanfaatkan sumbangan zakat staf melalui kerjasama dengan Majlis Agama Islam Perlis
- Memperkasakan aktiviti UniMAP Holdings, Yayasan UniMAP dan syarikat–syarikat lain yang berkatian dengan UniMAP.
- Melaksana polisi penjanaan kewangan oleh kespatriat.
- Mengawal tuntutan perjalanan.
- Menjimatkan penggunaan utility.
- Mengganti litar suwa dengan talian tanpa wayar.
- Menamatkan sewaan ruang yang tidak produktif.
- Mengurangkan penyertaan dalam aktiviti sekunder universiti yang kurang berimpak.
- Melaksana aktiviti sekunder aktiviti yang memberikan faktor WOW sahaja.
- Mengeluarkan polisi sumber manusia yang berorentasikan penjimatan sumber (misalnya staf kontrak dan penggunaan kepakaran dalaman).

PELAN TINDAKAN PELAKSANAAN INISIATIF 5 TAHUN

NO.	KPI/KIP	FASA PELAKSANAAN INISIATIF		
		2016	2017 – 2018	2019 – 2020
1	% Pendapatan yang dijana	» Mengupayakan Pusat Pengajian sebagai *Strategic Business Unit* (SBU) » Mewujudkan satu Sistem Pemantauan projek SBU » Mengenalpasti insentif-insentif daripada Sistem Percukaian Negara & Zakat » Mengenalpasti aset-aset universiti yang boleh dikomersialkan	» Memperkukuhkan Syarikat Berkaitan Universiti (ULC) sebagai pemain utama dalam industri yang berkaitan (Jenama) » Menggunakan insentif-insentif percukaian untuk mendapatkan tajaan » Mencari satu kaedah untuk memudahkan penyaluran dana daripada alumni (kerjasama dengan bank)	» Menjadikan UniMAP sebagai Hab Perniagaan Universiti Terunggul Di Malaysia » Menjadikan Pusat Tanggungjawab sebagai SBU
2	Nilai Penjimatan Kos	» Mengurangkan perolehan cenderahati. » Elaun lebih masa dikurangkan sebanyak 15% - 20% bagi setiap Pusat Tanggungjawab. » Mengenalpasti kaedah penggantian elaun lebih masa. » Menghadkan kadar bilik hotel staf dan menghadkan tuntutan perbatuan. » Menguatkuasakan semua tempahan penerbangan secara atas talian dan mengurangkan penggunaan tempahan penerbangan secara waran. » Menambahbaik garispanduan penggunaan utiliti.	» Mengurangkan perolehan cenderahati. » Menghadkan bayaran elaun lebih masa setakat 1/3 daripada gaji hakiki staf. » Membuat semakan semula kadar penginapan bilik hotel dan tuntutan perbatuan. » Semakan tempahan penerbangan secara atas talian mengikut kelayakan dan penggunaan tempahan penerbangan secara waran hanya mengikut keperluan. » Mengurangkan penggunaan utiliti. » Mencari kaedah alternatif perolehan asset, bekalan.	» Semakan keperluan perolehan cenderahati. » Semakan semula bayaran elaun lebih masa. » Semua tempahan penerbangan secara atas talian. » Melaksanakan kaedah alternatif kepada talian yang sedia ada. » Penyertaan kejohanan sukan mendapat tajaan. » Membuat dasar baru sewaan terutamanya bagi kolej kediaman.
3	Nilai endowmen (RM)	» Kenalpasti dan melantik Dekan Utama mengikut Pusat Pengajian. » Mempromosi konsep endowmen terutamanya di setiap Pusat Pengajian.	» Memperkukuhkan lagi konsep endowmen di peringkat Pusat Tanggungjawab.	» Menjadikan konsep endowmen sebagai satu budaya di dalam universiti.

MELONJAKKAN KEUNGGULAN GLOBAL

"Pendidikan tinggi di Malaysia telah jauh berkembang, menempa pelbagai kejayaan. Bermula sekadar mengimport idea, struktur dan model pendidikan tinggi, ketika ini Malaysia telah diiktiraf sebagai penyumbang global menerusi kecemerlangan akademik dan penyelidikan" (PPPM–PT).

UniMAP komited untuk terus melonjakkan keunggulan globalnya melalui inisiatif–inisiatif yang menjurus ke arah peningkatan persaingan dalam *QS Stars University Ratings, QS Subject Rankings, QS Asia University Rankings (AUR)* dan *QS World University Rankings*.

Inisiatif Umum:

- Menyediakan peluang pekerjaan di dalam kampus untuk menggalakkan pelajar memperolehi dana kewangan.
- Menyediakan peluang perniagaan dan keusahawanan di dalam kampus untuk pelajar antarabangsa.
- Menyediakan jaminan kemudahan penginapan pelajar dengan kemudahan berdayasaing.
- Memantapkan Pusat Pelajar yang mesra pelajar antarabangsa (*global village*); menyediakan kemudahan pembelajaran, ruang pertemuan dan diskusi dan peluang kolaborasi.
- Memusatkan proses pentadbiran dan pengurusan enrolmen pelajar antarabangsa.
- Memfokus kepada *International Students Retention Program.*
- Mengoptima kepakaran staf akademik antarabangsa di Pusat Hal Ehwal Antarabangsa.
- Memantapkan struktur dan peranan alumni antarabangsa sebagai duta enrolmen pelajar.
- Mewujudkan tagline sebagai selling point kepada bakal pelajar antarabangsa.
- Menjadi hos kepada penganjuran dua program berimpak bertaraf dunia.
  - QS APPLE 2016 – Kuala Lumpur
  - QS MAPLE 2017 – Dubai
- Meningkatkan keterlihatan dan daya saing lokasi UniMAP dalam kriteria *QS Best Students Cities.*
- Meningkatkan *web presence* UniMAP kepada komuniti pelajar dan penyelidik antarabangsa.

PELAN TINDAKAN PELAKSANAAN INISIATIF 5 TAHUN

NO.	KPI/KIP	FASA PELAKSANAAN INISIATIF		
		2016	2017 – 2018	2019 – 2020
